

Sapu bersih wang ATM

Dua penjenayah pakai seragam syarikat keselamatan tahu kod rahsia larikan RM388,000

Metro 29/1/12
M3 4.

>>Oleh Mohd Firdaus Ibrahim
mfirdaus@hmetro.com.my

Fakta

Petugas syarikat kawalan keselamatan terkejut semua wang dalam mesin ATM itu hilang tanpa ada kesan pecah atau rosak

pekerja syarikat kawalan keselamatan untuk mengelirukan orang ramai di stesen minyak itu dipercayai me-

miliki kemahiran tinggi yang membolehkan mereka memecahkan kod rahsia untuk menyelongkar mesin ATM berkenaan.

Kelicikan dan kepakaran mereka menyebabkan kehilangan wang tunai di mesin ATM itu hanya disedari jam 2.30 petang kelmarin dan pemeriksaan pada kamera litar tertutup (CCTV) di tempat kejadian mendapati rompakan dipercayai dilakukan pada 4 Januari lalu.

Sumber polis berkata, ke-

jadian disedari selepas petugas syarikat kawalan keselamatan memeriksa mesin ATM berkenaan sebelum memaklumpkannya kepada pihak bank dan laporan kehilangan wang dibuat di Balai Polis Cheras.

"Petugas syarikat kawalan keselamatan berkenaan terkejut apabila mendapati semua wang di dalam mesin ATM itu hilang sedangkan tiada sedikitpun kesan pecah atau rosak. Mereka kemudian memaklumkan kejadi-

an itu kepada pihak bank.

"Selepas rakaman CCTV di tempat kejadian diperiksa, didapati pada jam 5.30 petang, 4 Januari lalu, dua lelaki memakai pakaian seragam seakan-akan pekerja syarikat kawalan keselamatan membuka mesin ATM itu dan melarikan wang," katanya.

Menurutnya, polis tidak menolak kemungkinan penjenayah yang terbabit dalam kejadian itu pekerja ataupun bekas pekerja bank atau syarikat kawalan keselamatan

yang mengetahui selok-belok aspek teknikal mesin ATM.

Sementara itu, Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (Operasi dan Risikan) Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Khairi Arasa mengesahkan menerima laporan kejadian itu.

"Malah, polis juga sudah menahan dua lelaki yang dipercayai terbabit dengan kejadian itu untuk membantu siasatan," katanya ketika dihubungi, malam tadi.

KUALA LUMPUR: Dengan kepakaran dimiliki, dua penjenayah menyapu bersih wang tunai berjumlah RM388,000 dalam mesin juruwang automatik (ATM) di sebuah stesen minyak di Taman Connaught, Cheras, di sini, tanpa meninggalkan kesan rompakan.

Kedua-dua penjenayah licik yang memakai seragam